

PERANAN PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN KEDA DALAM
MEMAJUKAN INDUSTRI LUAR BANDAR
KAJIAN KES : TAMAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA NAPOH,
KUBANG PASU, KEDAH DARUL AMAN.

ASRALINA ABDUL SAMAT

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

OKTOBER , 2001

ABSTRAK

Tumpuan terhadap industri berskala besar sebagai strategi pembangunan negara, menyebabkan Industri Kecil dan Sederhana semakin dipinggirkan dan ia juga menyebabkan ketidakseimbangan berlaku antara kawasan bandar dan luar bandar. Dalam mengatasi masalah ini, pembangunan usahawan telah dijadikan sebagai satu strategi dalam memastikan pembangunan Industri Kecil dan Sederhana yang lebih mantap, serta dapat berkembang. Kewujudan Pusat Pembangunan Usahawan KEDA merupakan salah satu usaha dalam memajukan Industri Kecil dan Sederhana berasaskan keusahawanan. Pusat ini mempunyai peranan yang khusus dalam memastikan perkembangan industri ini melalui penyediaan kemudahan infrastruktur, pembangunan keusahawanan, bantuan alatan atau mesin dan kemudahan promosi serta penyediaan pusat maklumat. Tumpuan utama diberikan terhadap penyediaan kemudahan infrastruktur berdasarkan kepentingannya yang utama dalam sesuatu pembangunan. Pusat Pembangunan Usahawan bertanggungjawab menyediakan satu taman industri yang dilengkapi dengan bangunan dan bengkel industri serta bangunan kilang yang diasaskan melalui konsep pengelompokan industri. Kewujudan taman industri ini yang disasarkan di kawasan Pusat Pertumbuhan Desa, secara tidak langsung dapat meningkatkan sosioekonomi penduduk di kawasan terbabit dan ia juga merupakan satu cara dalam memajukan sesebuah kawasan luar bandar terutamanya bagi Pusat Pertumbuhan Desa yang berpotensi seperti Napoh. Selain itu, penyediaan kemudahan infrastruktur ini juga, secara tidak langsung menjadi satu cara yang dapat meningkatkan prestasi sesebuah perusahaan melalui peningkatan jumlah keluaran serta pemasaran produk yang lebih meluas. Keadaan ini wujud disebabkan pengaruh keadaan persekitaran yang sesuai, luas dan selesa. Dalam usaha KEDA melalui Pusat Pembangunan Usahawan memajukan industri di kawasan luar Bandar ini, masih terdapat banyak pekara yang perlu dilakukan dalam memastikan usahawan yang lahir mampu bersaing dan dapat bertahan dengan keadaan pasaran. Selain daripada itu, dengan wujudnya pusat ini usaha mewujudkan Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputra akan dapat dicapai.

ABSTRACT

The focus of big scale industry as the development strategic in Malaysia influence to the edge of small medium industry and increase the unbalance development process between urban area and rural area. Toward to archive this problem, entrepreneur development is the effective strategic to establish and enhances the development of small and medium industry. The KEDA Entrepreneurship Development Centre is the one effort to encourage the development of small medium industry, which is based on entrepreneur. The main function of KEDA towards the development of small and medium industry includes provides the infrastructure facilities, entrepreneur development, equipment aid, machine, promotion services and information center. The main focus is to provide the infrastructure facilities based on the essential or important of a development. The Entrepreneurship Development Centre has the responsible to provide the industry park, which includes the industry building and workshop. The factory building is based on the industry cluster concept. The establish of this industry in Rural Growth Centre in directly encourage and increased to the socioeconomic population in that area. It's also an effective way to increase to development of the rural area such as Napoh. Beside that, provides an infrastructure facility is the effective way to increase of total product and wide of marketing product. That situation is effect by suitable, comfortable, wide of surrounding. On an effort of KEDA through the Entrepreneurship Development Centre to encourage the development of industry in rural area, the strategic to enhance and produce the quality of entrepreneur should be taken. Beside that, the establish of KEDA it the way toward the 'Industrial and Commercial Community (MPPB)'.